

07 JAN 2002

MAHATHIR-BELANJAWAN/I

BELANJAWAN MASA DEPAN AKAN LIPUTI TEMPOH DUA TAHUN

Oleh: Siti Hawa Othman

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Satu sistem Belanjawan Persekutuan "dua dalam satu" akan diperkenalkan daripada tahun ini untuk mempermudah dan mempercepatkan pelaksanaan projek-projek awam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata hari ini.

Katanya Belanjawan (biasa) pertama adalah bagi pelaksanaan sebenar manakala Belanjawan (kedua) yang satu lagi adalah bagi mengenal pasti projek-projek yang akan dilaksanakan tahun berikut tetapi proses-proses awal atau persediaan dan prosedur-prosedur boleh dimulai dalam tahun pertama itu.

"Sebagai contoh, kita kenal pasti apa projek-projek hendak dibuat dalam tahun 2003. Kemudian kita akan mulakan perancangan. Menjelang Januari 2003, kita telah selesaikan semua prosedur pentadbiran yang tidak memerlukan sebarang perbelanjaan, dan kita boleh mula," katanya.

"Perancang-perancang kerajaan kini sedang membincangkan pendekatan ini dengan Perbendaharaan," beliau memberitahu pemberita selepas berucap pada perhimpunan perdana Perkhidmatan Awam di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), di sini.

Dr Mahathir mengeluh bahawa dalam tahun kalendar 2001, hanya 87 peratus daripada peruntukan Belanjawan tahun lalu telah dibelanjakan. "Saya mahu buat (perkara esok semalam)," tambahnya.

Selanjutnya katanya, daripada keseluruhan rangsangan fiskal sebanyak RM7.3 bilion yang diumumkan tahun lalu, hanya 50 peratus telah dibelanjakan sehingga kini.

Banyak peruntukan tidak dapat dibelanjakan dengan cepat kerana banyak prosedur (termasuk mengenal pasti projek-projek dan pelantikan kontraktor-kontraktor) yang terpaksa disiapkan sebelum kerja sebenar ke atas projek-projek individu boleh dimulakan.

"(Prosedur) kesemuanya membabitkan perundingan. Sehingga semua perundingan diselesaikan, peruntukan tidak boleh dibelanjakan," jelas beliau.

di dalam Laporan Ekonomi 2001/2002 yang dikeluarkan Oktober lalu, Perbendaharaan berkata bahawa persediaan belanjawan dan proses pemeriksaan akan dijalankan sekali setiap dua tahun tidak sebaliknya secara tahunan mulai tahun ini.

Katanya prosedur belanjawan adalah semata-mata bersifat pentadbiran dan akan membantu meningkatkan kualiti dan kecekapan peruntukan-peruntukan belanjawan.

Dengan perbelanjaan kerajaan ditentukan dua tahun terlebih dahulu, proses baru itu akan mempermudah taksiran kedudukan fiskal kerajaan dan dengan itu Meningkatkan perancangan dan pengurusan aliran tunai.

Ini terutamanya demikian bagi program dan keperluan-keperluan pinjaman kerajaan yang boleh ditentukan lebih tepat lagi bagi mengurangkan pinjaman yang sama ada berlebihan atau kurang, kata Perbendaharaan.

Sumber-sumber yang dikeluarkan kemudian boleh dihalakan semula dan diguna pakai bagi tugas-tugas seperti memastikan pelaksanaan projek yang lebih cepat, mengenal pasti dan memperbetul kelemahan pelaksanaan dan juga mengemukakan cadangan dan maklum balas yang tepat.

Menurut Perbendaharaan, penggunaan sistem Belanjawan dua tahun (atau dua dalam satu) akan membolehkan kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan merancang dan melaksanakan program dan projek perbelanjaan awam dengan kepastian, disiplin dan ketelusan yang lebih besar. -- BERNAMA

SHO SEL OS